

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan negeri.
- Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap satu perkara melibatkan satu jabatan iaitu Bayaran Bagi Perbelanjaan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP) di Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

Apa yang ditemui Audit?

- **Bayaran Penuh Berjumlah RM1.57 Juta Dibuat Bagi Tujuh Perolehan Kerja yang Belum Disiapkan Dengan Sempurna**
 - Kerja Menaik Taraf Pelantar Interpretasi Hutan Paya Laut, Kompleks Makanan Laut (KOMALAUT), Kuala Perlis berjumlah RM478,884;
 - Kerja Menaik Taraf Pembangunan Makmal Luar Kajian di Taman Negeri Perlis, Wang Kelian, Perlis berjumlah RM419,107;
 - Kerja Pemasangan Tulisan Blok Untuk *View Point* Wang Kelian, Perlis berjumlah RM100,000;
 - Kerja Membina Monumen Sejarah Wang Kelian di Taman Negeri Perlis berjumlah RM95,545;
 - Kerja Menaik Taraf Pusat Pelawat Taman Negeri, Wang Kelian Perlis berjumlah RM149,990;
 - Kerja Menaik Taraf Bahan Pameran Galeri Gua Kelam, Kompleks Eko-Pelancongan Gua Kelam berjumlah RM79,430; dan
 - Kerja Pembangunan Semula Galeri Tambahan, Kompleks Eko Pelancongan Gua Kelam berjumlah RM248,999.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

JPH hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan bagi memastikan peraturan perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- memastikan pembayaran di bawah Pemberian TAHAP dibuat terhadap bekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah disempurnakan dan mematuhi syarat sebut harga yang ditetapkan;
- memastikan pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan perolehan menyemak dan menjalankan pemeriksaan fizikal bagi mengesahkan tuntutan, bukti dan status pelaksanaan sebenar setiap perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang dikemukakan oleh syarikat pembekal dan kontraktor sebelum bayaran dibuat;
- memastikan syarikat pembekal dan kontraktor mematuhi syarat SST dan Dokumen Sebut harga yang telah ditetapkan supaya perkhidmatan yang diberikan adalah sempurna dan mengelakkan berlakunya pembayaran tidak teratur; dan
- menambah baik kawalan dalaman dan menyediakan prosedur operasi standard bagi tatacara pengurusan pembayaran selaras dengan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

PENGENALAN

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/pejabat dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
2. Pada tahun 2021, pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan negeri iaitu Bayaran Bagi Perbelanjaan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP) di Jabatan Perhutanan Negeri Perlis.
3. Pemilihan dibuat berdasarkan perbelanjaan jabatan yang utama dan berisiko tinggi.